Viking Life-Saving Equipment Pte Ltd lwn Port Marine Safety Services Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — GUAMAN SIVIL NO 23–25 TAHUN 2010
KAMARDIN HASHIM H
6 OGOS 2012

Ganti rugi — Kuantum — Tuntutan ganti rugi — Pembuat-pembuat dokumen tidak dipanggil untuk menyokong keterangan dokumentari bagi menuntut kuantum — Sama ada dokumen-dokumen boleh diterima sebagai keterangan — Sama ada kerugian terbukti

Keterangan — Anggapan bertentangan — Kegagalan plaintif memanggil saksi — Saksi penting berada di luar negara — Plaintif gagal mengemukakan sebarang alasan kerana tidak mengemukakan saksi — Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Keterangan — Keterangan dengar cakap — Keterangan dengar cakap dokumentari — Pengemukaan dokumen-dokumen untuk menuntut ganti rugi — Pembuat-pembuat dokumen tidak dipanggil untuk menyokong keterangan dokumentari bagi tuntutan — Sama ada dokumen-dokumen boleh diterima

Plaintif merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan dan didaftarkan di Singapura manakala defendan adalah kontraktor kecil di Malaysia yang dilantik oleh plaintif untuk menjalankan kerja-kerja bagi pemeriksaan penyelenggaran tahunan untuk peralatan Jiang Yin Xin Jiang JY-QFN-9.35m *lifeboat* dan *system davit* dan *winch* untuk kapal EFSO Falcon. Pemeriksaan penyelenggaraan tersebut telah dijalankan oleh bekas Pengurus Perkhidmatan plaintif ('Kesavaraj'). Semasa pemeriksaan sedang dijalankan, satu kemalangan telah berlaku, menyebabkan kapal tersebut mengalami kerosakan. Pemilik kapal EFSO Falcon telah membuat tuntutan terhadap plaintif yang kemudiannya membuat tuntutan sebanyak RM632,922.68 terhadap pihak penginsurans ('HDI-Gerling'). Dalam tuntutan ini, plaintif menuntut di bawah subrogasi bagi pihak HDI-Gerling. Defendan menafikan kewujudan kontrak antara plaintif dengan defendan bagi pemeriksaan tersebut. Dihujahkan bahawa wakil defendan yang mempunyai kuasa dan/atau otoriti tidak berada di premis untuk membuat pemeriksaan tersebut dan semua ujian dan pengendalian bagi pemeriksaan tersebut telah dilakukan oleh pekerja plaintif sendiri. Isu-isu yang dibangkitkan adalah sama ada defendan bertanggungan sepenuhnya terhadap kerosakan yang dialami; sama ada defendan mempunyai kepakaran untuk mengendalikan atau memastikan

pemeriksaan penyelenggaran; sama ada defendan dan/atau agen defendan cuai atau abai dalam pengendalian bagi pemeriksaan penyelenggaran yang dijalankan; dan sama ada plaintif berhak menuntut jumlah RM632,922.68.

Diputuskan, menolak tuntutan dengan kos:

(1) Kesavaraj adalah saksi yang penting kerana telah mengetuai dan bertanggungjawab terhadap pemeriksaan tersebut. Walaupun Kesavaraj masih berada di Singapura, namun plaintif telah gagal dengan tanpa sebarang alasan untuk memanggilnya sebagai saksi mereka. Saksi-saksi yang dikemukan oleh plaintif di mahkamah, tidak berada di tempat kejadian dan mereka tidak mengetahui bagaimana kemalangan tersebut telah berlaku., Anggapan berlawanan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap plaintif atas kegagalannya memanggil Kesavaraj sebagai saksi. Adalah dianggap bahawa sekiranya saksi tersebut dipanggil keterangannya tidak akan menyebelahi pihak plaintif (lihat perenggan 9).

(2) Tanpa keterangan Kesavaraj, tiada sebarang keterangan yang dapat menunjukkan kecuaian pihak defendan sebagai punca kepada kemalangan yang berlaku. Walaupun tiada saksi di tempat kejadian tetapi satu laporan ('P26') telah disediakan mengenai kemalangan yang berlaku namun tiada sebarang kesalahan diletakkan pada pihak defendan. P26 disediakan berdasarkan temubual dan kenyataan oleh saksi-saksi yang tidak berada di mahkamah. Oleh itu, kandungan P26 tidak lebih daripada keterangan dengar cakap yang tidak boleh diterima sebagai keterangan untuk menyokong tuntutan plaintif terhadap defendan (lihat perenggan 10).

(3) Kuantum ganti rugi gagal dibuktikan. Bukti pembayaran kepada pihak ketiga gagal dibuktikan dan saksi-saksi pembuat dokumen-dokumen berkaitan tuntutan ganti rugi juga tidak dipanggil untuk memberikan keterangan. Oleh itu, kandungan dokumen-dokumen tersebut adalah merupakan keterangan dengar cakap dan kandungan dokumen-dokumen tersebut tidak boleh diterima sebagai keterangan (lihat perenggan 24).

[**English summary**

The plaintiff was a company which had been established and registered in Singapore whereas the defendant was a small contractor in Malaysia that was appointed by the plaintiff to conduct the yearly maintenance inspection works of the instruments for Jiang Yin Xin Jiang JY-QFN-9.35m *lifeboat* and *system davit* and *winch* of the EFSO Falcon ship. The maintenance inspection was conducted by the plaintiff's former Service Manager ('Kesavaraj'). While the inspection was being conducted, an accident took place causing damage to the ship. The owner of the EFSO Falcon ship claimed against the plaintiff which in

turn claimed the amount of RM632,922.68 from the insurers ('HDI-Gerling'). In this claim, the plaintiff claimed under subrogation on behalf of HDI-Gerling. The defendant denied the existence of contract between the plaintiff and the defendant for the said inspection. It was contended that the defendant's representative who had the power and/or authority was not at the premises to conduct the inspection and all the tests and operation of the inspection was done by the plaintiff's own employees. The issues raised was whether the defendant was fully liable for the damages; whether the defendant had the expertise to operate or to ensure of the maintenance inspection; whether the defendant and/or the defendant's agent was negligent or careless in the conduct of maintenance inspection which was carried out; and whether the plaintiff was entitled to claim the sum of RM632,922.68.

Held, dismissing the claim with costs:

(1) Kesavaraj was an important witness as he had led and was responsible for the inspection. Although Kesavaraj was still in Singapore, the plaintiff had failed, without any reason whatsoever, to call him as their witness. The witnesses produced by the plaintiff in the court were not at the scene of the incident and they had no knowledge as to how the accident occurred. The inference under s 114(g) of the Evidence Act 1950 was applicable against the plaintiff on its failure to call Kesavaraj as a witness. It was inferred that if the witness was called, his testimony would be in favour of the plaintiff (see para 9).

(2) Without Kesavaraj's evidence, there was no other evidence which could show the negligence of the part of the defendant as the cause of the accident that occurred. Although there was no witness at the scene of the incident a report ('P26') was prepared on the accident but there was no blame imputed on the defendant. P26 was prepared based on the interview and statements by the witnesses who were not in the court. Therefore, the content of P26 was not more than hearsay evidence which was not admissible as evidence to support the plaintiff's claim against the defendant (see para 10).

(3) The quantum of damages had not been proven. Proof of payment to the third party was not proven and the witnesses who made the documents pertaining to the claim for damages were also not called to testify. Therefore, the contents of the documents were hearsay evidence and the contents of the documents could not be admitted in evidence (see para 24).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan plaintif memanggil saksi, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 180–181.

Untuk kes-kes mengenai keterangan dengar cakap dokumentari, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 1992–1993.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Kudus bin Hj Abd Aziz v Normah bte Cik [2003] 6 MLJ 169, MT (dirujuk)

Chan Yoke Lain (administrator of the estate of Chong Yoke Fan, deceased) v Pacific & Orient Insurance Co Sdn Bhd [1999] 1 MLJ 303, MR (dirujuk)

Malaysia National Insurance Sdn Bhd v Malaysia Rubber Development Corporation [1986] 2 MLJ 124, MP (dirujuk)

Ng Chul Sia v Maimon bt Ali [1983] 1 MLJ 110 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Syarikat 1965

LY Leong (LY Leong & Partners) bagi pihak plaintif.
Fakhrul Anuar (Rahim & Lawrnee) bagi pihak defendan.

Kamardin Hashim H:

[1] Plaintif adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuh dan didaftarkan di Singapura dan mempunyai alamat di No 14, Loyang Way, Loyang Industrial Estate, Singapore 507601. Manakala defendan adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang telah ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftar di No 149A, Jalan Aminuddin Baki, Taman Tun Dr Ismail, 60000 Kuala Lumpur serta alamat perniagaan di No 9, Jalan Kempas 2/4, Taman Tanah Tampoi, 81200 Johor Bahru.

[2] Plaintif telah melantik defendan sebagai kontraktor kecil untuk menjalankan kerja-kerja bagi pemeriksaan penyelenggaran tahunan bagi peralatan Jiang Yin Xin Jiang JY-QFN-9.35m *lifeboat* dan *system davit* dan *winch* untuk kapal EFSO Falcon. Pemeriksaan penyelenggaraan tersebut telah dijalankan pada 29 Januari 2008 yang diketuai oleh bekas pengurus perkhidmatan plaintif yang bernama Encik Kesavaraj Ramasamy. Semasa pemeriksaan sedang dijalankan telah berlaku satu kemalangan yang menyebabkan *lifeboat* tersebut mengalami kerosakan.

[3] Pemilik kapal EFSO Falcon telah membuat tuntutan terhadap plaintif yang kemudiannya membuat tuntutan terhadap pihak penginsurans, HDI-Gerling untuk jumlah RM632,922.68. Tuntutan plaintif di sini dibawa

di bawah subrogasi bagi pihak HDI-Gerling, sebagai pihak penginsurans yang telah membuat bayaran RM632,922.68 kepada tuan punya *lifeboat* dan kapal EFSO Falcon tersebut.

[4] Dalam pembelaan mereka, pihak defendan menafikan tuntutan plaintif. Defendan menafikan wujudnya kontrak antara plaintif dengan defendan bagi pemeriksaan tersebut. Semasa pemeriksaan dijalankan tiada wakil defendan yang mempunyai kuasa dan/atau autoriti untuk membuat pemeriksaan tersebut dan semua ujian dan pengendalian bagi pemeriksaan tersebut telah dilakukan oleh pekerja plaintif sendiri. Selain itu defendan meminta bukti kukuh bagi setiap butir-butir kerugian yang dialami oleh plaintif.

[5] Dalam perbicaraan kes ini tiga orang saksi telah memberi keterangan, dua saksi bagi plaintif dan satu saksi untuk defendan. Dua orang saksi plaintif adalah Encik Jaanus Zovo ('SP1'), pengurus perkhidmatan plaintif yang baru menggantikan Encik Kesavaraj Ramasamy dan Encik Hun Jock Kwong ('SP2'), Pengurus Jualan dan Teknikal, Civic International Pte Ltd. Saksi defendan adalah Encik Mohamed Faisal bin Noor Mohamed ('SD1'), pengarah defendan.

[6] Pihak-pihak telah mencapai persetujuan mengenai isu-isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah dalam kes ini. Dipersetujui terdapat empat isu yang dipertikaikan, iaitu:

(a) sama ada defendan bertanggungan sepenuhnya terhadap kerosakan yang dialami oleh *lifeboat* dan *system davit* atas kapal EFSO Falcon tersebut;

(b) sama ada defendan mempunyai kepakaran untuk mengendalikan atau bagi memastikan pemeriksaan penyelenggaran terhadap *lifeboat* dan *system davit* kapal tersebut;

(c) sama ada defendan dan/atau agen defendan telah cuai atau abai dalam pengendalian bagi pemeriksaan penyelenggaran yang dijalankan; dan

(d) sama ada plaintif berhak untuk menuntut jumlah RM632,922.68.

[7] Kausa tindakan plaintif adalah berasaskan kepada tort kecuaian. Dua perkara yang perlu dibuktikan oleh plaintif iaitu liabiliti dan kuantum. Isu di (a)–(c) di atas adalah berkaitan dengan isu mengenai liabiliti. Manakala isu di (d) adalah berkaitan dengan isu mengenai kuantum ganti rugi. Beban pembuktian adalah sama bagi kes-kes sivil iaitu atas imbangan kebarangkalian (lihat *Ng Chul Sia v Maimon bt Ali* [1983] 1 MLJ 110).

LIABILITI

[8] Tidak dipertikaikan bahawa pengurus perkhidmatan plaintif iaitu Encik

Kesavaraj Ramasamy yang mengetuai dan/atau memantau pemeriksaan *lifeboat*, *davit* dan *winch* yang dijalankan pada 29 Januari 2008 sedangkan wakil-wakil defendan adalah orang yang tidak berkelayakan. Pengarah defendan iaitu saksi SD1 sebagai orang yang mempunyai tauliah dan kelayakan untuk menjalankan pemeriksaan tersebut tidak dapat hadir semasa pemeriksaan dijalankan oleh kerana berada di Paris atas urusan rasmi yang lain. Pihak defendan telah memaklumkan perkara ini terlebih awal dan meminta pemeriksaan tersebut ditangguhkan. Walau bagaimanapun pihak pelanggan plaintif mendesak agar pemeriksaan tersebut diteruskan.

[9] Memandangkan Kesavaraj Ramasamy adalah orang yang mengetuai dan bertanggungjawab terhadap pemeriksaan tersebut, beliau adalah merupakan saksi yang penting dalam kes ini. Walaupun Kesavaraj Ramasamy masih berada di Singapura, namun plaintif telah gagal dengan tanpa sebarang alasan untuk memanggil Kesavaraj Ramasamy sebagai saksi mereka. Saksi-saksi plaintif SP1 dan SP2 tidak berada di tempat kejadian dan mereka tidak mengetahui bagaimana kemalangan tersebut telah berlaku. Atas kegagalan plaintif memanggil Kesavaraj Ramasamy sebagai saksi, maka anggapan berlawanan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai terhadap plaintif. Adalah dianggap bahawa sekiranya saksi itu dipanggil keterangannya tidak akan menyebelahi pihak plaintif (lihat *Chan Yoke Lain (administrator of the estate of Chong Yoke Fan, deceased) v Pacific & Orient Insurance Co Sdn Bhd* [1999] 1 MLJ 309).

[10] Tanpa keterangan daripada Kesavaraj Ramasamy maka tiada sebarang keterangan yang dapat menunjukkan kecuaian pihak defendan sebagai punca kepada kemalangan yang berlaku. Saksi SP2 walaupun tidak berada di tempat kejadian tetapi beliau telah menyediakan satu laporan (P26) mengenai kemalangan yang berlaku. SP2 bagaimanapun tidak meletakkan sebarang kesalahan di pihak defendan atas apa yang telah berlaku. Laporan P26 yang disediakan berdasarkan kepada temubual dan kenyataan yang telah diberikan oleh saksi-saksi yang tidak berada di mahkamah. Oleh itu kandungan laporan P26 tidak lebih dari merupakan keterangan dengar cakap (*hearsay*) yang tidak boleh diterima sebagai keterangan untuk menyokong tuntutan plaintif terhadap defendan (lihat *Malaysia National Insurance Sdn Bhd v Malaysia Rubber Development Corporation* [1986] 2 MLJ 124).

[11] Pihak defendan telah mengemukakan satu laporan (D22) yang telah disediakan oleh Kesavaraj Ramasamy sebaik kemalangan berlaku. Kesemua saksi plaintif dan saksi defendan bersetuju bahawa, antara lain, di dalam D22 Kesavaraj Ramasamy telah mengakui bahawa kemalangan tersebut disebabkan oleh kecuaian beliau dan beliau mengakui bertanggungjawab sepenuhnya atas kemalangan yang telah berlaku. Saksi SD1 juga menyatakan bahawa berdasarkan kepada laporan mengenai kejadian yang berlaku menunjukkan

tanggungjawab sepenuhnya terhadap Kesavaraj Ramasamy atas kemalangan yang berlaku. Keterangan SD1 mengenai perkara ini langsung tidak dicabar semasa disoal balas.

[12] Sebut harga (P1) yang telah dikeluarkan oleh defendan adalah dokumen yang umum. Sebut harga tersebut menyatakan bahawa ianya tertakluk kepada IMO/MSC *Circular* 1206 (D23) yang mana menghendakki setiap pemeriksaan hendaklah dilakukan oleh mereka yang mempunyai sijil daripada pengilang *lifeboat*, *davit* dan *winch*. Saksi SP1 mengakui bahawa plaintif terlibat dalam *davit* dan *winch* manakala defendan diakui mempunyai sijil daripada pengilang *lifeboat* seperti di ekshs D24 dan D32. Defendan berhujah bahawa kemalangan berlaku akibat daripada *system davit* dan *winch* yang berada di bawah bidang kuasa plaintif sendiri. Dalam keadaan ketiadaan wakil defendan iaitu SD1 yang mempunyai sijil daripada pengeluar *lifeboat*, Kesavaraj Ramasamy tetap meneruskan dengan pemeriksaan tersebut. *Purchase order* (P2) hanya diterima oleh defendan selepas kemalangan berlaku. Sebelum itu tiada dokumen khusus merujuk kepada skop dan perlantikan defendan sebagai subkontraktor.

[13] Saksi SD1 dalam pemeriksaan utama menyatakan seperti berikut dan keterangan beliau tidak dicabar dalam soal balas:

> 10.Q Have you informed Mr. Kesavaraj Ramasamy your suitable date for the assignment and what is the response received from him?
>
> A: I have informed him that I as the authorized service engineer for the lifeboat manufacturer will not be around on the assignment date on the 29th and 30th January 2008 as I have lifeboat training at France. Therefore, no conformation to attend the inspection by the Defendant at that time. However, Mr. Kesavaraj Ramasamy contacted me and insisted that the assignment to be done at the even date as the Plaintiff have committed the same with their client i.e. Messrs EPSO Falcon. He requested for 3 technicians to assist him in performing the job. We provide 3 technicians as requested where all cannot speak or write in English due to their education background.
>
> I would like to refer to e-mail correspondence on page 16 and 17 and copies of my international passport at the page 18-20 of the defendant's Bundle of documents and would like the e-mail correspondence and passport to be tendered as Exhibit 'D-33A' and Exhibit 'D-33B' respectively.

[14] Semasa pemeriksaan dijalankan, Kesavaraj Ramasamy dari syarikat plaintif adalah orang memantau dan mengendalikan proses pemeriksaan *lifeboat*, *davit* and *winch* tersebut. Perkara ini dinyatakan oleh SD1 semasa pemeriksaan utama. Keterangan SD1 mengenai perkara ini langsung tidak disoal balas oleh pihak plaintif. Keterangan SD1 malah disokong oleh

keterangan dokumentar iaitu eksh D22 yang telah ditandatangani oleh semua pihak semasa pemeriksaan dijalankan termasuk oleh tuan punya kapal EPSO Falcon tersebut. Oleh itu plaintif adalah pihak yang mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap pemeriksaan yang dijalankan. Kemalangan telah berlaku apabila wakil plaintif tersebut telah gagal untuk mematuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh IMO.

[15] Kepakaran defendan adalah di dalam bidang *lifeboat* manakala *davit* dan *winch* berada di bawah tanggungjawab plaintif sendiri. Perkara ini dinyatakan oleh SD1 dan sekali lagi keterangan SD1 mengenai perkara ini tidak dicabar. Dalam pemeriksaan utama, SD1 menyatakan:

> 17.Q: What are the Plaintiff and Defendant area of expertise in this matter?
>
> A: Plaintiff have the expertise in handling and servicing davits and winch and one of their staff has been given service training from Messrs Ned Deck Marine who specialized in davit and winch. Defendant has the expertise in lifeboats and I have the certificates by manufacturers as lifeboat service engineer. So in this case defendant only authorized and has the expertise on lifeboat whereas davit and winch are to be handled by the Plaintiff who have the expertise on the same. However, since I am outstation at France on the even date, no one have the expertise on lifeboat as the staff from Defendants are merely Service Technician and plaintiff are well aware of this matter and for that reason Mr. Kesavaraj Ramasamy took the responsibility as the officer in charge of the whole assignment on the even date.
>
> Further, Mr. Kesavaraj Ramasamy also informed me that the Plaintiff have been doing sales and new installation work for Ne Deck Marine davit/winch and the Plaintiff is the authorized sales and services provider for Ned Deck Marine who is the maker of the davit/winch.
>
> I would like to refer to service Training Certificate issued by the Ned Deck Marine to the Plaintiff at page 3 of the Defendant's Bundle of Document and to be tendered as Exhibit 'D21'.

[16] Seterusnya SD1 menyatakan bahawa Mr Kesavaraj Ramasamy adalah orang yang bertanggungjawab terhadap kemalangan yang berlaku. Keterangan SD1 dalam perkara ini juga tidak dicabar semasa di soal balas. Dalam pemeriksaan utama, SD1 menyatakan seperti berikut:

> 24. Q: Can you tell the Court that based on the incident report signed by both parties, who are responsible for the incident that damaged the boat, davit and winch?
>
> A: The Plaintiff agent, Mr. Kesavaraj Ramasamy as Service Manager of the Plaintiff are responsible for the incident that damaged the boat because,

A firstly, Plaintiff assumed overall responsibility of servicing when myself as lifeboat manufacturer authorized personal was not around for the servicing of the boat.

Secondly, my understanding of events is that the twist in the fall wires contributed to the incident. Fall wires are part of davit and winch.

B

Thirdly, lifeboat was operationally tested at sea and found all in order and hoisted up when the incident happened. As such lifeboat was found to be in proper operational condition after the test.

C **[17]** Dalam soal balas, SD1 menyatakan punca kemalangan berpandukan kepada D22 adalah seperti berikut:

This forward hook gets unhooked due to big jerk from the twisted fall wires which comes from the davits and winch system.

D

[18] Adalah jelas bahawa terdapat keterangan yang kukuh menunjukkan kemalangan tersebut berpunca daripada kerosakan sistem *davit* dan *winch* yang berada di bawah tanggungjawab pihak plaintif sendiri. Oleh itu defendan berhujah bahawa walau apa pun mereka tidak harus dipersalahkan atas kemalangan yang berlaku.

E

KUANTUM GANTI RUGI

F **[19]** Mengenai isu kuantum ganti rugi, plaintif bergantung kepada dokumen-dokumen yang ditandakan sebagai P5–P20. Kandungan dokumen-dokumen itu dipersetujui tertakluk kepada pembuat (*maker*) dipanggil untuk disoal balas. Saksi SP1 mengakui beliau bukan pembuat dokumen-dokumen tersebut dan beliau juga tidak dapat untuk memberikan penjelasan terhadap kandungan dokumen-dokumen tersebut. Oleh itu sehingga pembuat dokumen-dokumen tersebut dipanggil untuk memberikan keterangan dan disoal-balas, kandungan dokumen-dokumen tersebut adalah merupakan keterangan dengar cakap (*hearsay*) dan kandungan dokumen-dokumen tersebut tidak boleh diterima sebagai keterangan. Penandaan dokumen-dokumen tersebut sebagai P5–P20 tidak lebih dari tujuan untuk menunjukkan dokumen-dokumen itu wujud, dan tidak lebih daripada itu. Tidak dinafikan bahawa plaintif telah gagal untuk memanggil pembuat dokumen-dokumen tersebut.

G

H

I **[20]** Adalah undang-undang mantap bahawa kuantum ganti rugi khas hendaklah diplidkan dan hendaklah dibuktikan dengan ketat dan melalui keterangan yang kukuh. Kandungan dokumen-dokumen itu juga tidak pernah dirujuk kepada syarikat insuran HDI-Gerling atau kepada pihak *adjuster* bagi memastikan jumlah yang dituntut adil dan munasabah. Oleh itu tiada asas bagi

tuntutan oleh plaintif untuk kuantum yang dituntut oleh kerana ketiadaan laporan penilaian daripada pihak penginsurans, HDI-Gerling.

[21] Saksi SP1 mengesahkan bahawa hanya invois-invois dikemukakan tanpa mengemukakan resit bayaran. Walaupun SP1 telah diberikan masa namun SP1 masih gagal untuk mengemukaan resit pembayaran dan juga resit asal subrogasi. SP1 juga gagal mengemukakan dokumen bagi menyokong P5. Pembuat dokumen-dokumen langsung tidak dipanggil, maka dokumen-dokumen tersebut tidak boleh diterima sebagai bukti kuantum ganti rugi yang dituntut oleh plaintif.

[22] Di dalam kes *Abdul Kudus bin Hj Abd Aziz v Normah bte Cik* [2003] 6 MLJ 169 telah diputuskan seperti berikut:

> Firstly, on the issue of whether the magistrate was right in taking into consideration the sketch plan and key to sketch plan having regard to the fact that the document was only admitted as to authenticity and its contents not admitted, and its maker not being called as a witness, as well as by reason of the respondent counsel conceding that it had not been properly produced, I am in agreement with the appellant counsel's submission that the magistrate had erred in taking into consideration this document in making a considered decision in this case.

[23] Saksi SP2 yang dipanggil oleh pihak plaintif adalah saksi yang mempunyai kepentingan memandangkan saksi SP2 adalah daripada pihak pembekal *lifeboat* yang mengesyorkan supaya *lifeboat* yang rosak digantikan dengan yang baru. Saksi SP2 juga telah memberikan keterangan yang bercanggah apabila menyatakan D24 dan D32 adalah dokumen-dokumen yang ditujukan kepada syarikat Mitsui Japan sedangkan dokumen-dokumen tersebut dengan jelas menyatakan ditujukan kepada pihak defendan. Saksi SD1 sebaliknya menyatakan tawaran mereka untuk menggantikan *lifeboat* yang baru kepada plaintif sekiranya tuntutan insurans oleh defendan diluluskan. Tawaran tersebut menurut SD1 adalah dengan tanpa pengakuan liabiliti dan tanpa prejudis oleh kerana hubungan baik dan lama antara defendan dengan plaintif. Oleh itu tawaran defendan untuk menggantikan *lifeboat* yang baru tidak boleh dianggap sebagai satu pengakuan liabiliti atas kemalangan yang berlaku. SD1 berbicara mengenai *lifeboat* baru dengan Mr Stanley Anthony, *general manager* pihak plaintif namun penama ini gagal dipanggil untuk menyangkal keterangan SD1 bahawa tawaran *lifeboat* baru dibuat dengan tanpa pengakuan liabiliti dan tanpa prejudis.

[24] Mengenai kuantum ganti rugi yang dituntut oleh plaintif, ianya gagal dibuktikan dengan ketat satu persatu melalui keterangan yang kukuh. Bukti pembayaran kepada pihak ketiga juga gagal dibuktikan. Saksi-saksi pembuat dokumen-dokumen berkaitan tuntutan ganti rugi juga tidak dipanggil untuk

memberikan keterangan.

SUBROGASI

[25] Plaintif telah membuat tuntutan daripada pihak penginsurans, HDI-Gerling dan tuntutan di sini oleh pihak penginsurans di bawah konsep subrogasi. Plaintif telah mengemukakan P25 sebagai bukti pembayaran namun pembuat dokumen itu tidak dipanggil untuk disoal balas. Pihak penginsurans juga tidak wajar membuat bayaran kepada plaintif oleh kerana pemeriksaan tersebut tidak mengikut keperluan IMO dan pemeriksaan tersebut dianggap terbatal.

KONKLUSI

[26] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang tersebut di atas, saya berpuashati dan mendapati bahawa pihak plaintif telah gagal untuk membuktikan tuntutannya terhadap defendan atas imbangan kebarangkalian. Oleh itu tuntutan plaintif terhadap defendan ditolak dengan kos ditetapkan sebanyak RM10,000, kecuali dipersetujui.

Tuntutan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor